



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 01 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	RM 2.8 JUTA BANTUAN TAMBAHAN KEPADA PESAWAH KEDAH TERKESAN BENCANA ALAM, BERITA RTM-ONLINE RM 2.8 JUTA BANTUAN TAMBAHAN KEPADA PESAWAH, BERITA NASIONAL-TV1 DANA TAMBAHAN RM 2.8 JUTA BANTU PESAWAH TERJEJAS, NASIONAL-BH-19 RM 2.8 MILLION FLOOD AID FOR KEDAH FARMERS, NATIONAL-THE SUN-3 ADDITIONAL AID OF RM 2.8 MLN FOR FLOOD AFFECTED FARMERS IN YAN, KUALA MUDA, HOME-BORNEO POST-4 MAFI ALLOCATES RM 2.8MIL TO HELP AFFECTED PADDY FARMERS IN KEDAH, NATION- CHINA PRESS-A8 BANTUAN TAMBAHAN RM2.8 JUTA KEPADA PESAWAH DI YAN, KUALA MUDA-RONALD, BERNAMA NEWS-ONLINE ADDITIONAL AID OF RM2.8 MILLION FOR FARMERS IN YAN, KUALA MUDA, BERNAMA NEWS-ONLINE MAFI UMUM BANTUAN RM2.8j, LOKAL, HM-22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
10. 11. 12.	KERAJAAN PAHANG MAHU BIAKKAN SEMULA PATIN MUNCUNG, NEGARA, KOSMO-3 4500, ANAK PENYU DILEPASKAN SEMPENA HARI MERDEKA, NEGERI TERENGGANU, JOHOR, KELANTAN, SH-29 DUA BOT TUNDA LANGGAR SYARAT TANGKAPAN DITAHAN, LOKAL, HM-21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14. 15. 16. 17.	FARMERS MARKETS TO BE OPENED IN STAGES, NATION, THE STAR-6 FAMA CONTRIBUTES 65.6 TONNES OF AGRICULTURAL PRODUCE, FOOD PRODUCTS IN THREE MOTNHS, BERNAMA NEWS-ONLINE FAMA SUMBANG 65.6 METRIK TAN HASIL TANAMAN, PRODUK INDUSTRI MAKANAN DALAM TEMPOH TIGA BULAN, BERNAMA NEWS-ONLINE PST FAMA BANTU 3,356 USAHAWAN JANA JUALAN RM 108 JUTA, SINAR HARIAN-ONLINE FAMA SUMBANG 65.6 METRIK TAN HASIL TANAMAN, PRODUK INDUSTRI MAKANAN, NEWS, UTUSAN BORNEO-17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
18.	30 TAHUN HIDUP DIHURUNG LALAT, LAPORAN KHAS, HM-3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
19. 20.	AGROBANK SUMBANG RM35,000 KEPADA MANGSA BANJIR DI YAN, NASIONAL, SH-15 SELAMAT ULANG TAHUN AGROBANK KE -52, ADVERTORIAL, SH-5	AGROBANK

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.09.2021	BERITA RTM	ONLINE	

## RM2.8 JUTA BANTUAN TAMBAHAN KEPADA PESAWAH KEDAH TERKESAN BENCANA ALAM



PUTRAJAYA, 31 Ogos - RM2.8 juta bantuan tambahan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada pesawah yang terkesan akibat bencana alam di Yan dan Kuala Muda, Kedah.

Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menerusi kenyataan media memaklumkan, kadar

bantuan yang diberi adalah sebanyak RM1,800 per hektar dengan keluasan maksimum sebanyak tiga hektar.

Penilaian bagi pesawah terlibat akan dilaksanakan oleh jabatan teknikal tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan.

Selain itu, pihak kementerian bakal memperuntuk bantuan lain daripada Tabung Bantuan Bencana Agromakanan kepada golongan sasaran bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Terdahulu Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mendengar taklimat ringkas oleh pengurusan tertinggi mengenai situasi banjir di Kedah dalam acara simbolik mengetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani Putrajaya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.09.2021	TV1	BERITA NASIONAL	

## RM 2.8 JUTA BANTUAN TAMBAHAN KEPADA PESAWAH



Headline	Dana tambahan RM2.8j bantu pesawah terjejas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	19	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	336 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,169
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,506



## Fenomena kepala air, banjir lumpur di Kedah

# Dana tambahan RM2.8j bantu pesawah terjejas

### Kadar bantuan diberikan RM1,800 per hektar

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengumumkan bantuan tambahan sebanyak RM2.8 juta melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada pesawah yang terkesan akibat bencana alam yang berlaku di Yan dan Kuala Muda, Kedah.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata kadar bantuan yang diberikan ialah RM1,800 per hektar, dengan keluasan maksimum tiga hektar.

"Penilaian bagi pesawah yang terbabit akan dilaksanakan jabatan teknikal, tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau mengumumkan perkara itu selepas taklimat ringkas pengurusan tertinggi mengenai situasi banjir di Kedah, pada acara simbolik mengetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani, kelmarin.

Ronald memaklumkan bahawa, 34.2 hektar kawasan tanaman padi di Boi, Yan yang berusia antara 75 hingga 105 hari di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), terjejas akibat kejadian itu.

Beliau berkata, kawasan luar jelapang yang terkesan pula adalah di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok seluas 18.4 hektar yang berusia antara 95 hingga 105 hari, dan kawasan di bawah seliaan Jabatan Pertanian membabitkan 15,759 hektar yang berusia antara 95 hingga 110 hari.

"Ini menjadikan keseluruhan keluasan yang terbabit adalah 15,811.6 hektar. Bilangan keseluruhan pesawah yang terkesan masih dalam banciaan," katanya.

Ronald menjelaskan, kejadian banjir berkenaan mengakibatkan

kan hasil padi tidak dapat dituai sepenuhnya, disebabkan oleh kejadian padi rebah selepas air banjir surut dari kawasan sawah padi dan kualiti padi yang dituai juga akan terkesan, seterusnya menjejaskan pendapatan pesawah.

Kerajaan sebelum ini, memperuntukkan RM1.1 juta bagi membaik pulih 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir, Yan, yang musnah dalam kejadian banjir lumpur akibat fenomena kepala air dari puncak Gunung Jerai pada 18 Ogos lalu.

Peruntukan itu adalah sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika meninjau lokasi bencana pada minggu lalu.

BERNAMA

“Penilaian bagi pesawah yang terbabit akan dilaksanakan jabatan teknikal, tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan”

**Ronald Kiandee,**  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan



Headline	RM2.8 million flood aid for Kedah farmers		
MediaTitle	The Sun		
Date	01 Sep 2021	Color	Black/white
Section	National	Circulation	297,582
Page No	3	Readership	892,746
Language	English	ArticleSize	106 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,729
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,187



## RM2.8 million flood aid for Kedah farmers

**KUALA LUMPUR:** The Ministry of Agriculture and Food Industry (Mafi) yesterday announced an additional aid of RM2.8 million through the Padi Crop Disaster Fund for farmers affected by floods in Yan and Kuala Muda in Kedah.

Its minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the assistance rate has been set at RM1,800 per hectare, with a maximum eligibility of 3ha.

"An assessment will be carried out by the

technical department, subject to stipulated standard operating procedures," he said.

On Monday, Kiandee was briefed by the ministry's top officials on the flood situation in Kedah after officially starting work at his office at Wisma Tani, Bernama reported.

According to Kiandee, the floods caused damage to about 15,811.6ha of padi crops in Kedah, including 34.2ha in Yan, which is under the supervision of the Muda Agricultural Development Authority.

The floods also damaged about 18.4ha of crops in Merbok, which is under the supervision of the Farmers Organisation Board and 15,759ha under the Agriculture Department, he added.

Prior to the latest aid, the government had allocated RM1.1 million to rehabilitate 34ha of padi farming areas in Kampung Titi Bakong and Kampung Rendang Pasir in Yan, that were affected by floods caused by a water surge from Gunung Jerai on Aug 18.

Headline	Additional aid of RM2.8 mln for flood affected farmers in Yan, Kuala Muda		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	01 Sep 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	91 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 254
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 761



## Additional aid of RM2.8 mln for flood affected farmers in Yan, Kuala Muda

**KUALA LUMPUR:** The Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) on Tuesday announced an additional aid of RM2.8 million through the Padi Crop Disaster Fund (TBTP) for farmers affected by the floods in Yan and Kuala Muda, Kedah.

Its minister, Datuk Seri Ronald Kiandee said the rate would be at RM1,800 per hectare with a maximum of three hectares.

The assessment will be carried out by the technical department subject to the stipulated Standard Operating Procedures

(SOP), he said in a statement.

On Monday, Kiandee was briefed by the ministry's top officials on the flood situation in Kedah after officially starting work at his office at Wisma Tani here

According to Kiandee, the floods caused damage to about 15,811.6 hectares of the padi crop in Kedah, including 34.2 hectares in Boi, Yan, which is under the supervision of the Muda Agricultural Development Authority (MADA), was damaged in the floods.

The floods also damaged about 18.4 hectares of the crop in Merbok, which is under the supervision of the Farmers Organisation Board and 15,759 hectares under the Agriculture Department, he added.

Prior to this, the government had allocated RM1.1 million to rehabilitate 34 hectares of padi farming areas in Kampung Titi Bakong and Kampung Rendang Pasir, Yan, that were affected by the floods caused by the water surge phenomenon from Gunung Jerai last Aug 18. — Bernama



Headline	MAFI allocates RM2.8mil to help affected paddy farmers in Kedah		
MediaTitle	China Press		
Date	01 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A8	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	108 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,130
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,391



## 農業部撥280萬 助吉州受災稻農



■ 罗南建迪

(吉隆坡31日讯)农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪宣布，该部将透过稻米灾难基金(TBTP)拨出280万令吉，协助吉打铅县和瓜拉姆达受天灾影响的稻农。

他说，农业及食品工业部将根据每公顷 1800令吉的价钱提供援助，最多可达3公顷。

“技术部门将根据现有的标准作业程序，前往现场进行农地的估价。”

罗南建迪昨天前往农业及食品工业部打卡报到，并听取吉打灾情汇报后发文告时，如是指出。

他说，铅县共有34.2公顷由慕达农业发展机构(MADA)监督的农田受到影响，而由玛莫(Merbok)农民组织和农业局则负责监督18.4公顷和1万5759公顷受影响的非稻田地区。

“所有受水灾影响的农地面积一共是1万5811公顷，至于受影响的农民人数仍在计算中，很多稻米因此次灾情未能及时收割，有些已收割的稻米品质则受到影响，导致农民收入大减。”

罗南建迪也指出，农业及食品工业部也承诺将透过其它方式协助受影响群体，同时透过食物篮降低农民、养殖户和渔夫的负担。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.09.2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

## **BANTUAN TAMBAHAN RM2.8 JUTA KEPADA PESAWAH DI YAN, KUALA MUDA – RONALD**



KUALA LUMPUR, 31 Ogos -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengumumkan bantuan tambahan sebanyak RM2.8 juta, melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada pesawah yang terkesan, akibat bencana alam yang berlaku di Yan dan Kuala Muda, Kedah.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, kadar bantuan yang diberikan ialah RM1,800 per hektar, dengan keluasan maksimum tiga hektar.

“Penilaian bagi pesawah yang terlibat akan dilaksanakan oleh jabatan teknikal, tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan hari ini.

Beliau mengumumkan perkara tersebut, selepas taklimat ringkas oleh pengurusan tertinggi mengenai situasi banjir di Kedah, pada acara simbolik menetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani, semalam.

Ronald memaklumkan bahawa, 34.2 hektar kawasan tanaman padi di Boi, Yan yang berusia antara 75 hingga 105 hari di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), telah terjejas akibat kejadian itu.

Menurut beliau, kawasan luar jelapang yang terkesan pula adalah di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok seluas 18.4 hektar yang berusia antara 95 hingga 105 hari, dan kawasan di bawah seliaan Jabatan Pertanian melibatkan 15,759 hektar yang berusia antara 95 hingga 110 hari.

“Ini menjadikan keseluruhan keluasan yang terlibat adalah 15,811.6 hektar. Bilangan keseluruhan pesawah yang terkesan masih dalam banciaan,” katanya.

Ronald menjelaskan, kejadian banjir berkenaan mengakibatkan hasil padi tidak dapat dituai sepenuhnya, disebabkan oleh kejadian padi rebah selepas air banjir surut dari kawasan sawah padi dan kualiti padi yang dituai juga akan terkesan, seterusnya menjejaskan pendapatan pesawah yang terlibat.

Kerajaan sebelum ini, memperuntukkan RM1.1 juta bagi membaik pulih 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir, Yan, yang musnah dalam kejadian banjir lumpur akibat fenomena kepala air dari Puncak Gunung Jerai pada 18 Ogos lepas.



Peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana tersebut pada Selasa lepas.

Ronald berjanji MAFI akan memperuntukkan bantuan lain daripada Tabung Bantuan Bencana Agromakanan bagi golongan sasaran dalam meneruskan kelangsungan hidup di samping menggerakkan bantuan Bakul Makanan melalui inisiatif MAFI Prihatin bagi meringankan beban golongan petani, penternak dan nelayan yang terkesan akibat bencana itu.

Setakat semalam, MAFI telah menyalurkan sejumlah RM4.34 juta kepada golongan sasaran, yang terjejas akibat bencana alam daripada tabung berkenaan.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.09.2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

## ADDITIONAL AID OF RM2.8 MILLION FOR FARMERS IN YAN, KUALA MUDA



KUALA LUMPUR, Aug 31 -- The Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) today announced an additional aid of RM2.8 million through the Padi Crop Disaster Fund (TBTP) for farmers affected by the floods in Yan and Kuala Muda, Kedah.

Its minister, Datuk Seri Ronald Kiandee said the rate would be at RM1,800 per hectare with a maximum of three hectares.

"The assessment will be carried out by the technical department subject to the stipulated Standard Operating Procedures (SOP)," he said in a statement.

Yesterday, Kiandee was briefed by the ministry's top officials on the flood situation in Kedah after officially starting work at his office at Wisma Tani here

According to Kiandee, the floods caused damage to about 15,811.6 hectares of the padi crop in Kedah, including 34.2 hectares in Boi, Yan, which is under the supervision of the Muda Agricultural Development Authority (MADA), was damaged in the floods.

The floods also damaged about 18.4 hectares of the crop in Merbok, which is under the supervision of the Farmers Organisation Board and 15,759 hectares under the Agriculture Department, he added.

Prior to this, the government had allocated RM1.1 million to rehabilitate 34 hectares of padi farming areas in Kampung Titi Bakong and Kampung Rendang Pasir, Yan, that were affected by the floods caused by the water surge phenomenon from Gunung Jerai last Aug 18.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.09.2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

## Mafi umum bantuan RM2.8j

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengumumkan bantuan tambahan sebanyak RM2.8 juta, melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada pesawah yang terkesan, akibat bencana alam yang berlaku di Yan dan Kuala Muda, Kedah.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, kadar bantuan yang diberikan ialah RM1,800 per hektar dengan keluasan maksimum tiga hektar.

“Penilaian bagi pesawah yang terbabit akan dilaksanakan oleh jabatan teknikal, tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan semalam.

Beliau mengumumkan perkara itu, selepas taklimat ringkas oleh pengurusan tertinggi mengenai situasi banjir di Kedah, pada acara simbolik mengetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani, kelmarin.



**Penilaian bagi pesawah yang terbabit akan dilaksanakan oleh jabatan teknikal, tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan”**

**Ronald Kiandee**

Ronald memaklumkan bahawa, 34.2 hektar kawasan tanaman padi di Boi, Yan yang berusia 75 hingga 105 hari di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) terjejas akibat kejadian itu.

Menurut beliau, kawasan luar jelapang yang terkesan pula adalah di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok seluas 18.4 hektar yang berusia 95 hingga 105 hari dan kawa-

san di bawah seliaan Jabatan Pertanian membabitkan 15,759 hektar yang berusia 95 hingga 110 hari.

“Ini menjadikan keseluruhan keluasan yang terbabit adalah 15,811.6 hektar. Bilangan keseluruhan pesawah yang terkesan masih dalam banciaan,” katanya.

Ronald menjelaskan, kejadian banjir berkenaan mengakibatkan hasil padi tidak dapat dituai sepenuhnya, disebabkan oleh kejadian padi rebah selepas air banjir surut dari kawasan sawah padi dan kualiti padi yang dituai juga akan terkesan, seterusnya menjejaskan pendapatan pesawah yang terbabit.

Kerajaan sebelum ini, memperuntukkan RM1.1 juta bagi membaik pulih 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir, Yan, yang musnah dalam kejadian banjir lumpur akibat fenomena kepala air dari Puncak Gunung Jerai pada 18 Ogos lalu. - Bernama

01.09.2021

KOSMO

NEGARA

3

## Kerajaan Pahang mahu biakkan semula ikan patin muncung

**TEMERLOH** – Kerajaan negeri bersedia menggalakkan usaha dan bekerjasama dengan Jabatan Perikanan dalam usaha membiakkan ikan patin muncung yang semakin pupus di Pahang.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perlindungan dan Komoditi negeri, Datuk Seri Mohamad Shahrar Shamsuddin berkata, usaha promosi secara besar-besaran perlu segera dilakukan bagi mendapatkan induk ikan itu.

"Laporan yang menyedihkan

(patin muncung semakin pupus). Sepatutnya kita perlu memikirkan hal ini sejak dulu lagi.

"Kerajaan negeri sentiasa menyokong dan jika dimaktumkan awal kita boleh uar-urakan serta maklumkan kepada nelayan agar tidak menjualnya, sebaliknya Jabatan Perikanan akan membeli ikan itu dengan harga yang berpatutan," katanya semalam.

Kosmo/ semalam melaporkan ikan patin muncung yang menjadi buruan kerana keenakan isinya kini dianggap seperti emas



**KERATAN Kosmo/ semalam.**

apabila bernilai tinggi sehingga mencecah RM450 sekilogram ekoran spesies itu kian pupus dan sukar didapati di Sungai Pa-

hang.

Rata-rata nelayan dan peniaga hidupan air tawar mendedahkan ikan patin muncung tidak lagi menerjah jaring atau masuk perangkap sejak tujuh tahun lalu berbanding patin buah yang masih mudah didapati di sepanjang Sungai Pahang.

Mengulas lanjut, Mohamad Shahrar meminta orang ramai yang dapat menangkap patin muncung itu supaya menjualnya kepada Jabatan Perikanan.

"Saya juga minta Jabatan Peri-

kanan memberi tawaran luma-yan bagi menggalakkan orang ramai mencari dan menangkap patin muncung," kata beliau.

Sementara itu, mengulas mengenai cadangan agar ikan spesies tersebut diklasifikasi sebagai terancam dan memasuki senarai merah Kesatuan Antarabangsa untuk Penuliharaan Alam Semula Jadi, beliau berkata, ia tidak menjadi halangan, namun agak sukar berikutan bentuk spesies itu yang menyamai ikan patin buah dan patin juara.



01.09.2021

SINAR HARIAN

NEGERI

TEENGUNU.JOHOR.KELANTAN

# 4,500 anak penyu dilepaskan sempena Hari Merdeka

Pelepasan dilakukan bertujuan memulihara hidupan marin berkeunaan daripada pupus

Oleh NORHASPIDA YATIM

## KUALA NERUS

**S**ebanyak 4,500 anak penyu dilepaskan ke habitat asalnya di laut sebagai simbolik sempena meraikan sambutan Hari Kebangsaan negara yang ke-64 serta Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, program pelepasan anak

penyu yang dilakukan di Mak Kepit, Pulau Redang pada Ahad lalu bertujuan untuk memulihara hidupan marin berkeunaan daripada mengalami kepupusan.

“Aktiviti pelepasan anak-anak penyu yang baharu menetas merupakan aktiviti yang sering dilakukan bagi memastikan kesinambungan hidupan laut ini.

“Namun istimewaanya program pelepasan anak-anak penyu yang dilakukan ini adalah kali pertama sempena meraikan sambutan Hari Kemerdekaan,” katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Hadir sama, Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim.

Selain pelepasan penyu, turut diadakan penyerahan Rumah Pekerja di Pusat Pemuliharaan



Ruzaidi (kanan) bersama Azman ketika aktiviti pelepasan 4,500 anak penyu di Mak Mak Kepit, Pulau Redang pada Ahad.

Penyu di pulau berkenaan.

Dalam pada itu, katanya, sehingga Julai lalu sebanyak 4,242 pendaratan penyu direkodkan di seluruh pantai di Terengganu dengan 1,408 dari sarang hasil pendaratan penyu terdapat di sekitar kawasan Mak Kepit.

Menurut Ruzaidi, aktiviti pe-

lepasan dilakukan pada waktu senja bagi memastikan kesemua yang dilepaskan selamat pulang ke laut serta tidak menarik perhatian haiwan pemangsa.

“Kita harap kesemua penyu yang dilepaskan selamat di habitat asal dan akan kembali mendarat semula di sini,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.09.2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

## Dua bot tunda langgar syarat tangkapan ditahan

**Johor Bahru:** Dua bot tunda termasuk tujuh kru tempatan ditahan selepas didapati menjalankan kegiatan menangkap ikan pada jarak 10 batu nautika dari Pantai Tanjung Sekakap, di Mersing, kelmarin.

Pengarah Jabatan Perikanan Johor, Zainudin Abd Wahab berkata, penahanan itu hasil peman-tauan, pengawalan dan surveilan (MCS) Ambang Kemerdekaan dijalankan Pasukan Khas Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Johor di kawasan Taman Laut Johor.

“Dua vesel penangkapan ikan pukot tunda kelas C itu sedang menjalankan penangkapan ikan di perairan berhampiran

atas sebab disyaki melanggar syarat lesen penangkapan ikan.

“Sehubungan itu, semua tujuh nelayan berusia antara 24 hingga 44 tahun ditahan kira-kira jam 2 pagi dan 3.15 pagi.

“Sitaan turut membatikan dua vesel dan ikan tangkapan 3,400 kilogram dengan anggaran nilai sitaan RM3 juta,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kes diasiasat mengikut Seksyen 8(b), Akta Perikanan 1985 dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan tindakan kompaun.

Katanya, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mereka yang tidak mematuhi Akta Perikanan 1985.



BOT tunda yang ditahan kerana melanggar syarat lesen penangkapan ikan, kelmarin.





31 AUG, 2021

## Farmers' markets to be opened in stages

The Star, Malaysia

Page 1 of 2

# Farmers' markets to be opened in stages

**ALOR GAJAH:** About 60% of the 350 farmers' markets nationwide are expected to open in stages by the end of this year by adapting the prevention of Covid 19 standard operating procedure.

The opening of the farmers' market was in line with the flexibility given by the National Security Council from time to time, said Federal Agricultural Marketing Authority director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

"Strict SOP will be observed continuously at all farmers' markets as one of the new norms.

"Farmers' markets in the states that have entered Phase Two of the National Recovery Plan have been opened, but this time the operation is not as before because we adopt the concept of controlled fresh markets with strict SOP such as wearing face masks, temperature checks and exit and entry points," he said.

Zainal Abidin told this to reporters after handing over assistance from the Ministry of Agriculture and Food Industries to the management of Madrasah Tahfiz Al-Quran Ar Rashidin here on Sunday. -- Bernama



31 AUG, 2021

## Farmers' markets to be opened in stages

The Star, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

ALOR GAJAH: About 60% of the 350 farmers' markets nationwide are expected to open in stages by the end of this year by adapting the prevention of Covid 19 standard operating procedure. The opening of the farmers' market was in line with the flexibility given by the National Security Council from time to time, said Federal Agricultural Marketing Authority director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.09.2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

## **FAMA CONTRIBUTES 65.6 TONNES OF AGRICULTURAL PRODUCE, FOOD PRODUCTS IN THREE MONTHS**

PASIR MAS, Aug 31 -- The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) has contributed 65.6 tonnes of agricultural produce and food industry products to 174 locations nationwide from May 27 to Aug 29.

FAMA, in a statement today, said the contribution, channelled via the MAFI Prihatin programme, has benefitted 32,101 people including residents in the Enhanced Movement Control Order (EMCO) areas, with an allocation of RM225,494.

"The contribution is a two-pronged initiative to help farmers market their excess produce in conjunction with the Eat More Local Fruits and Vegetable Campaign.

"At the same time, it can help ease the burden of the those impacted by COVID-19. The recipients also comprised frontliners at vaccination centres, roadblocks, welfare bodies and non-governmental organisations," the statement read.

It added that through the MAFI Prihatin programme under the Kelantan FAMA, a total of 5.8 tonnes of fruits and vegetables were contributed to 1,349 recipients in 16 locations statewide with an allocation of RM14,727 from July 1 until yesterday.

Besides that, FAMA also contributed 1.4 tonnes of vegetables and food industry products to Kampung Repek here which is currently placed under the EMCO, involving 660 residents.

On the development of Controlled Fresh Markets (PST) which were created to ensure the continuity of supply chain and food marketing, it said 54 PSTs nationwide involving 3,356 entrepreneurs recorded RM108.06 million in sales from June 1 to Aug 29.

The statement further said that four PSTs in Kelantan involving 456 agriculture entrepreneurs achieved RM63.13 million in sales during the same period.

Meanwhile, to ensure the smooth running of marketing activities during the movement control period, FAMA had set up Crisis Management Centres which operates from 8 am to 7 pm.

"Farmers who are facing problems to market their produce can visit FAMA's Feedback System portal (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) or contact FAMA hotline at 019-7476754 or 0133777100 or 0107632684," it said.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.09.2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

## **FAMA SUMBANG 65.6 METRIK TAN HASIL TANAMAN, PRODUK INDUSTRI MAKANAN DALAM TEMPOH TIGA BULAN**

PASIR MAS, 31 Ogos -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menyumbang sebanyak 65.6 tan metrik hasil tanaman petani dan produk industri makanan di 174 lokasi seluruh negara dari 27 Mei hingga 29 Ogos lepas.

FAMA dalam kenyataan hari ini memaklumkan sumbangan itu, yang disalurkan melalui program MAFI Prihatin, memberi manfaat kepada 32,101 orang termasuk penduduk di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) membabitkan peruntukan sebanyak RM225,494.

"Sumbangan ini adalah inisiatif serampang dua mata yang dapat membantu petani memasarkan lebih hasil pertanian mereka dan sempena Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan.

"Pada masa yang sama, ia dapat membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat COVID-19. Penerima juga terdiri daripada petugas barisan hadapan di pusat pemberian vaksin serta sekatan jalan raya, badan kebajikan dan badan bukan kerajaan," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut memaklumkan menerusi program MAFI Prihatin di bawah FAMA Kelantan, sebanyak 5.8 tan metrik buah-buahan dan sayur-sayuran disumbang kepada 1,349 penerima membabitkan 16 lokasi di seluruh negeri dengan jumlah peruntukan RM14,727 bagi tempoh 1 Julai hingga semalam.

FAMA juga menyumbang sebanyak 1.4 tan metrik sayur-sayuran dan produk industri makanan kepada 660 penduduk di PKPD Kampung Repek di sini hari ini.

Menyentuh perkembangan Pasar Segar Terkawal (PST) yang diwujudkan bagi memastikan kelangsungan rantaian bekalan dan pemasaran makanan, kenyataan itu memaklumkan bahawa 54 lokasi PST di seluruh negara membabitkan 3,356 usahawan mencatatkan nilai jualan RM108.06 juta bagi tempoh 1 Jun hingga 29 Ogos lepas.

Menurut kenyataan itu, nilai jualan di empat lokasi PST berjaya mencapai angka RM63.13 juta membabitkan 456 usahawan tani bagi tempoh sama.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan, FAMA mewujudkan Bilik Gerakan yang beroperasi dari 8 pagi hingga 7 malam.

"Ini bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System di <http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php> atau menghubungi hotline FAMA di 019-7476 754 atau 013-3777 100 atau 010-7632 684," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
01.09.2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## PST FAMA BANTU 3,356 USAHAWAN JANA JUALAN RM108 JUTA



PASIR MAS - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya membantu seramai 3,356 usahawan menjana jualan berjumlah RM108 juta menerusi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara bermula 1 Jun hingga 29 Ogos lalu.

Dalam satu kenyataan media, FAMA berkata, pendapatan itu dijana menerusi 54 PST yang diwujudkan di seluruh negara bagi memastikan

kelangsungan rantaian bekalan serta pemasaran makanan terus berlangsung sepanjang pandemik Covid-19 ketika ini.

"Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan sekatan penuh pergerakan, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (Crisis Management Centre) yang beroperasi bermula jam 8 pagi hingga 7 malam.

"Hal ini bertujuan membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian di 019-7476754, 013-3777100 dan 010-7632684," katanya.

FAMA turun padang menyerahkan sumbangan bantuan kepada penduduk di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kampung Repek, pada Selasa.

Serahan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui FAMA menerusi Program MAFI Prihatin dibuat kepada Ahli Parlimen Pasir Mas, Ahmad Fadhli Shaari.

Menurutnya, sebanyak empat buah PST telah diwujudkan di Kelantan bagi membantu 456 usahawan memasarkan hasil mereka setiap hari.

Katanya, sepanjang tempoh sama bermula 1 Jun hingga 29 Ogos lalu, jualan PST di negeri ini telah mencatatkan jumlah RM63 juta.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
03.08.2021	HARIAN METRO	LAPORAN KHAS	3

Oleh Noor Hidayah Tanzil  
am@hmetro.com.my

**Manjung**

# 30 tahun hidup dihurung lalat

**Penduduk dakwa sisa cucian, najis ayam dilepaskan terus ke longkang tanpa tapisan**

Bagaikan 'diserang' lalat terutama pada musim hujan dan setiap kali ayam dibawa keluar dari ladang, sejak lebih 30 tahun lalu.

Itu situasi dihadapi penduduk di Manjung iaitu mukim Sitiawan, Lumut, Pengkalan Baharu, Beruas dan Lekir apabila difahamkan, terdapat lebih 200 ladang dan reban ternakan ayam

termasuk tidak berlesen. Sebahagian reban dikatakan masih menggunakan konsep lama iaitu secara terbuka dan dipercayai

menjadi faktor utama masalah lalat di kampung dan penempatan penduduk berhampiran.

Tinjauan di Segari mendapati, biarpun ada ladang ternakan ayam beroperasi secara kaedah tertutup, masih ada air buangan dilakukan secara terus dipercayai tanpa proses saringan atau tapisan di kolam rawatan disediakan.

Di Beruas pula, masih ada

kawasan ternakan ayam dilakukan secara terbuka dan pihak berkenaan sudah dikenakan tindakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Majlis Perbandaran Manjung (MPM).

Penduduk Kampung Batu 10, Segari, Rosima Saidin, 58, berkata, masalah lalat sudah berlaku lebih 30 tahun lalu apabila mereka sering 'diserang' lalat hijau atau langau sebelum ini.

Menurutnya, jumlah serangga itu lebih banyak apabila waktu selepas hujan, mendung dan ketika ayam dibawa keluar dari ladang.

"Sekarang ini boleh calap agak kurang, namun masih ada lalat setiap hari. Tetapi dalam pada sikit tu pun kami tetap tak tahan," katanya.

Penduduk Kampung Semangat di Segari, Ismail Ibrahim, 55, berkata, pengurusan najis ayam dipercayai dilakukan terus ke longkang kaedah sebetulnya turut menjadi faktor kehadiran lalat di kawasan mereka.

Katanya, sisa cucian reban dan najis dipercayai dilepaskan terus ke longkang tanpa tapisan dan ia dikhuatiri mengalir terus ke laut dan sungai.

"Sisa ini sudah bercampur alga (dalam longkang/parit kecil). Sepatutnya ka-

laul ikut cara penapisan betul tidak macam ini, air akan lebih jernih sikit, tidak keruh dan tiada sisa najis," katanya.

Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Tualang, Beruas, Hamzah Mad Nor berkata, sebelum ini penternak di kawasan berhampiran ada mengusulkan mahu membuka reban baru seluas 16 hektar kira-kira dua kilometer dari penempatan penduduk, tetapi mereka sepatat menolak cadangan itu.

"Kami tiada masalah dengan penternak dan dia menjaga hubungan baik dengan penduduk, tetapi itu bukan faktor untuk 'pejam mata' kerana penduduk tidak tahan hidup bersama lalat selain tidak mahu masalah ini terus berlarutan," katanya.



HAMZAH (kiri) menunjukkan lalat yang terperangkap pada pelekat yang dipasang. - Gambar NSTP/NOOR HIDAYAH TANZILI



KEADAAN ladang ternakan ayam menggunakan konsep lama di Kampung Tualang, Beruas. - Gambar NSTP/SHARUL HAFIZ ZAM



LADANG beroperasi secara kaedah tertutup di Segari membuang air buangan secara terus tanpa proses saringan.



ISMADY (kanan) menunjukkan sisa dari ladang ternakan ayam di kawasan parit, di Segari.

## Penternak gemar konsep tradisional

Manjung: Masalah lalat yang banyak di sekitar Manjung berpunca daripada cara pengurusan penternakan ayam secara tradisional atau kaedah terbuka, termasuk berkaitan najis ayam.

Pengerusi Persatuan Penternak Manjung, Tan Wooi Perng berkata, tidak dinafikan lalat dan penternakan ayam saling berkait, namun jika pengurusan dan pembersihan reban dilakukan dengan betul selain penggunaan ubat lalat, ia dapat membantu mengatasi masalah itu.

"Kalau penternak masih kekal dengan ladang terbuka, tetapi dia patuh arahan dan mengikut amalan betul atau dia bela ayam terus di lantai konkrit dan najis ayam tidak jatuh ke tanah seperti di beberapa kawasan, ia mengurangkan ma-

salah itu," katanya. Beliau berkata, penternak di Manjung sentiasa berhubung dengan aduan diterima dan mereka berusaha menyelesaikan masalah berkenaan dengan mengikut kaedah bersesuaian.

Sementara itu, penternak enggan dikenali berkata, dia mempunyai 10 reban ayam termasuk beberapa reban masih beroperasi secara terbuka.

"Kami menggunakan ubat lalat untuk mengelakkan kehadiran serangga itu selain mengelakkan najis ayam basah supaya ia tidak akan mengundang kehadiran lebih banyak lalat.

"Kami faham mengenai reban tertutup, tetapi untuk beralih kepada kaedah itu agak sukar ketika ini kerana ia memerlukan kos sangat tinggi selain beberapa proses lain," katanya.

## Tubuh pasukan khas pantau isu lalat

Manjung: Pengusaha ladang ternakan ayam di Manjung disaran mewujudkan pasukan khas atau pegawai alam sekitar untuk pemantauan bagi menangani masalah gangguan lalat.

Timbalan Presiden Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa), Ismady Radzuan berkata, inisiatif itu perlu dilakukan pihak berkenaan bagi penyelesaian jangka masa panjang berikutan lokasinya berhampiran dengan penempatan penduduk termasuk untuk mengelakkan pencemaran alam.

"Pengasapan (fogging) untuk lalat antara solusi jangka pendek dan pihak berkenaan perlu ada inisiatif lain untuk jangka masa panjang seperti mempunyai pengurusan mahir dalam perkara itu termasuk rawatan air.

"Kerajaan negeri perlu lebih serius dan tidak hanya mengambil tindakan apabila ada aduan. Selain itu, di-

cadangkan untuk menubuhkan pasukan task force merangkumi semua pihak supaya masalah ini tidak berlarutan," katanya ketika ditemui pada tinjauan di Segari.

Menurut Ismady, masalah lalat terutama di Segari sudah membeleggu penduduk setempat sejak 1990-an.

Katanya, pihaknya men-

buhkan Rakan Segari untuk membantu isu alam ternakan masalah lalat sejak 2014, namun ia masih berlarutan biarpun ada kawasan sudah kurang 'diserang' lalat.

"Pebagai usaha sudah dilakukan dan kami membuat sampling menggunakan kertas pelekat untuk merekodkan jumlah lalat dalam masa sejam bagi mengenal pasti tahap serius masalah itu di sesuatu tempat.

"Hasilnya lebih 200 serangga itu terperangkap pada satu kertas pelekat di Segari," katanya.

"Hasilnya lebih 200 serangga itu terperangkap pada satu kertas pelekat di Segari," katanya.

## Pengolahan sisa tinja mampu atasi masalah

dustri penternakan ayam supaya mematuhi Amalan Perladangan Yang Baik (GAHP), mesra alam dan awam.

Menurutnya, ia meliputi semua aspek pengurusan ladang, reka bentuk reban dan sistem pemeliharaan sama ada secara reban tertutup atau terbuka.

"Apa saja sistem pemeliharaan digunakan perlu mempunyai sistem peng-

olahan sisa tinja dan pengurusan kawalan pembiakan lalat berkesan.

"Pemeliharaan secara sistem reban tertutup adalah kaedah perladangan ayam cara moden dan sistematik yang dapat meningkatkan pengeluaran, menguntungkan untuk jangka masa panjang dan dapat mengawal masalah lalat dan bau dengan berkesan sekiranya GAHP dipatuhi sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata, terdapat sebanyak 327 ladang ternakan ayam pedaging dengan kapasiti pengeluaran 26.14 juta ekor di seluruh Perak dengan Manjung adalah daerah paling banyak dengan 151 ladang ayam pedaging membabitkan 746 reban dengan kapasiti pengeluarannya 11.5 juta ekor.

Menurutnya, di Manjung sebanyak 67 ladang (41 peratus) menggunakan sistem reban tertutup dan 88 ladang (59 peratus) menggunakan sistem reban terbuka.



“

Pengasapan (fogging) untuk lalat antara solusi jangka pendek

”

Ismady



## Agrobank sumbang RM35,000 kepada mangsa banjir di Yan

**SHAH ALAM** – Agrobank menerusi program pertamanya, Agrobank dan Komuniti memberikan sumbangan bernilai RM35,000 berbentuk bantuan makanan dan keperluan asas kepada 200 keluarga yang terkesan akibat banjir kilat di Yan, Kedah.

Penanggung Tugasan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, selaras dengan slogan 'Sertiasa di Sisi Anda', Agrobank cakna dan prihatin terhadap kesukaran serta situasi semasa yang sedang dihadapi komuniti setempat di Yan susulan bencana alam yang berlaku beberapa minggu lalu.

"Sebagai sebuah institusi kewangan yang begitu dekat di hati rakyat Malaysia, kami di Agrobank bertangjawab untuk membantu dan menghulurkan bantuan kepada mereka.

"Salah seorang warga kerja kami di Pusat Kredit Padi Agrobank turut terjejas akibat fenomena alam ini. Belian merupakan salah seorang daripada 200 penerima yang mendapat



Penyerahan sumbangan ini dilakukan oleh Norafiza Anil (dua dari kiri) kepada Jamal (tiga dari kiri) pada Isnin.

manfaat menerusi misi bantuan pada kali ini," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Sesi penyerahan sumbangan itu disempurnakan oleh Ketua Bahagian Jualan dan Perkhidmatan Agrobank Wilayah Utara, Norafiza Ani Abdullah kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana di Dewan

Dato' Madi pada Isnin. "Kotak sumbangan yang diberikan kepada penerima berupa makanan dan keperluan asas seperti makanan kering dan minuman, barang penjagaan peribadi, bantal, sejadah, telekung dan bahan pencuci," katanya.

Belian berkata, misi bantuan di Yan itu merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Agrobank menerusi program Agrobank dan Komuniti yang dilancarkan dengan tujuan untuk mendekati serta menyantuni komuniti setempat di mana Agrobank beroperasi.

Sementara itu, Penolong

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Yan, Jamali Kamal berterima kasih kepada Agrobank di atas keprihatinan dan kerjasama yang diberikan dalam membantu mereka yang terkesan terutamanya ketika menghadapi situasi sukar pada waktu ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
03.08.2021	BERITA HARIAN	ADVERTORIAL	5

Rabu, 1 September 2021

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (9118104)

5



# SELAMAT ULANG TAHUN AGROBANK KE-52

**KAMI DI AGROBANK SENTIASA**  
Memperkasakan Pertanian  
Melangkaui Perbankan



Imbas untuk  
maklumat lanjut

